

Headline	<b>Pasaran produk kayu diunjur terus meningkat</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>20. Jun 2009</b>	Page No	<b>20</b>
Media Title	<b>Berita Harian</b>	Article Size	<b>18 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Ekonomi</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>192917</b>	Color	<b>One Spot Color</b>
Readership	<b>1521000</b>	AdValue	



# Pasaran produk kayu diunjur terus meningkat

Pelbagai projek kerajaan dan swasta beri sokongan kukuh

Oleh Zuraidah Mohamed

**P**ASARAN produk kayu tempatan yang dianggarkan bernilai RM7.6 bilion ketika ini diunjurkan terus meningkat menerusi sokongan pelaksanaan pelbagai projek pembangunan kerajaan dan swasta.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainuddin, berkata industri perkayuan kini sepatutnya tidak lagi terlalu bergantung kepada pasaran ekspor kerana pasaran tempatan turut menawarkan potensi luas seiring pembangunan pesat negara.

Katanya, kementerian dengan kerjasama Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) melaksanakan pelbagai aktiviti bagi meningkatkan imej serta me-

ngurangkan tanggapan negatif masyarakat terhadap produk kayu tempatan.

"Bagi mengimbangi pasaran dan mengurangi kebergantungan industri terhadap pasaran eksport, kementerian dengan kerjasama MTIB kini giat melaksanakan Program Meningkatkan Kesedaran Penggunaan Kayu Tempatan di Pasaran Domestik," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan sambutan ulang tahun ke-36 MTIB dan penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang agensi itu di Kuala Lumpur semalam.

Pada majlis itu, Hamzah turut melancarkan sistem mySMS bagi memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat seperti alamat, bresur, perkhidmatan yang disediakan MTIB dengan lebih pantas.

Hadir sama Ketua Setiausaha kementerian merangkap Pengerusi MTIB, Datuk Wira Ismail Salleh dan Ketua Pengarah MTIB, Dr Jalaluddin Harun.

Hamzah menambah, eksport sektor perkayuan negara susut 20 peratus kepada RM4.18 bilion setakat Mac lalu berbanding tempoh sama tahun lalu.

Tahun lalu, katanya, nilai eksport sektor kayu perburuan berjumlah RM22.79 bilion.

"Dalam menangani keadaan ekonomi tidak menentu ketika ini, MTIB melaksanakan pelbagai langkah bagi menjadikan industri bersasaskan kayu terus kekal bersaing bagi mencapai nilai eksport RM53 bilion pada 2020," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, tahun ini MTIB tahun berjaya membuat enam tangkapan mem-

babitkan penyaludupan kayu ke negara ini yang bernilai kira-kira RM19 juta.

Katanya, imej negara sebagai antara pengeluar utama produk industri kayu perlu terus diperlihara menerusi langkah penguatkuasaan tergesas, sekali gus menghindarkan tanggapan negatif manusia berhadapan huar.

Sementara itu, Hamzah berkata, dalam usaha mempertingkatkan sektor kayu negara menerusi penyelidikan dan rekaan produk yang dilaksanakan secara bersama, ada kewajarnya jika Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) diletakkan di bawah kementerian itu.

"Ketika ini, Frim diletakkan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar," katanya sambil menambah kementeriannya dijangka membawa perkara itu dalam mesyuarat Kabinet.



**“Bagi mengimbangi pasaran dan mengurangi kebergantungan industri terhadap pasaran eksport, kementerian dengan kerjasama MTIB kini giat melaksanakan Program Meningkatkan Kesedaran Penggunaan Kayu Tempatan di Pasaran Domestik”**

**Hamzah Zainuddin**  
Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi